

Faedah globalisasi perlu diperjelas

BH-26/7/2006

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, media massa boleh membantu rakyat untuk memahami cabaran yang perlu ditangani serta faedah boleh dinikmati masyarakat daripada globalisasi.

Perdana Menteri berkata, media perlu mendidik masyarakat di negara ini bahawa mereka tidak boleh menutup mata atau membina benteng untuk menyekat kemaraan globalisasi itu.

"Kita kini dalam era globalisasi dan ada orang bimbang mengenai hal ini. Media boleh membantu orang ramai memahami apa itu globalisasi dan faedah yang boleh diperolehi daripadanya.

"Kita perlu melakukan sesuatu untuk menyedarkan rakyat mengenai kesan globalisasi supaya kita mendapat faedahnya," katanya ketika merasmikan Persidangan Media Massa 2006 bertemakan Media dan Cabaran Era Globalisasi, di sini, semalam.

Persidangan tahunan dua hari itu dianjurkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) itu.

Abdullah berkata, media berpengaruh besar meningkatkan kesedaran rakyat bahawa tanggungjawab menjalankan Misi Nasional yang menjurus kepada Wawasan 2020 tidak hanya terletak di bahu kerajaan, sebaliknya memerlukan komitmen semua.

Bercakap pada sidang akhbar selepas itu, beliau menegaskan bahawa media mempunyai tanggungjawab besar, khususnya dari segi sosial untuk membantu rakyat berfikir serta menganalisis pelbagai berita yang disiarkan.

"Di samping itu media juga boleh membentuk pemikiran rakyat terutama dalam aspek yang ada hubung kait dengan pembangunan negara kita pada masa depan serta usaha yang dijalankan ketika ini.

"Saya sudah tegaskan betapa pentingnya Misi Nasional itu diberi liputan yang baik, betapa pentingnya rakyat disedarkan bahawa misi itu menjadi milik kita semua, ia bukan hanya misi kerajaan malah setiap warga Malaysia," katanya.

Perdana Menteri turut mengingatkan media arus perdana supaya tidak

terikut-ikut dengan rentak laporan laman web dan 'blog' di internet yang lebih cenderung menyiarkan laporan spekulasi serta sensasi.

Katanya, media arus perdana yang berpengaruh serta menjadi rujukan utama masyarakat, perlu terus melaksanakan tanggungjawab sosial dengan melaporkan perkara sebenar tanpa perlu bersaing dengan blog serta internet.

“Kita perlu melakukan sesuatu untuk menyedarkan rakyat mengenai kesan globalisasi supaya kita mendapat faedahnya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

"Jangan buat berita bohong, berita spekulasi atas maklumat tak betul. Itu perlu elak. Ada pantang larangnya, yang perlu difahami. Berita tak betul, jangan ditulis, mensensasikan berita yang tak betul, jangan sekali dilakukan.

"Apa juga berita sensitif, kena hati-hati, fikir sedalam-dalamnya sebelum dijadikan berita. Jangan sensasikan berita yang sensitif kalau itu menimbulkan reaksi tidak baik kerana rakyat tidak mendapat manfaatnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, pengamal media bukan saja harus memahami undang-undang seperti Akta Hasutan, malah lebih berhati-hati supaya laporan yang disiarkan seperti berkaitan isu agama, kaum atau politik, tidak mencetuskan porak-peranda.

"Ada benda yang tidak patut diberitakan seperti orang buat kenyataan mengapi-apikan dan mencetuskan rasa perkauman. Apakah anda perlu menjadikannya berita dan disiarkan dalam akhbar," katanya.

Oleh Kadir Dikoh